

SOALAN NO: 195

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]
TARIKH :
SOALAN :**

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah bekalan elektrik ke Hospital Daerah Manjung dapat dipertingkatkan untuk membolehkannya dipasang dengan peralatan dan perkhidmatan tambahan dalam hospital tersebut. Sudahkah RM60 juta yang dijanjikan oleh kerajaan telah disediakan untuk membolehkan bangunan tambahan hospital tersebut dapat mula dibina dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Blok Tambahan Hospital Seri Manjung, Perak telah diluluskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kos sebanyak RM60 juta yang mana turut melibatkan skop naiktaraf elektrik di Hospital ini. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina dan dijangka ditender pada Januari 2018.

200

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Dato' Seri Lim Keng Yaik, Kampung Baru Beruas, Perak telah dibina oleh Majlis Perbandaran Manjung di bawah peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dewan ini telah diserahkan kepada Persatuan Penduduk Kampung Baru Beruas dan kerja-kerja untuk penyelenggaraan dewan ini adalah di bawah tanggungjawab pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan.

Sekian, terima kasih.